

13/03/2004

BN hadapi saingan di semua kerusi

Kadir Dikoh; Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR: Barisan Nasional (BN) dijangka menghadapi cabaran di semua 219 kerusi Parlimen dan 505 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) pada pilihan raya umum kali ini.

Menjelang hari penamaan calon hari ini, hampir semua parti sudah mengumumkan calon masing-masing kecuali beberapa parti pembangkang yang masih membisu sama ada turut bertanding di Sarawak dan Sabah.

Pembangkang, yang mengadakan pakatan pada pilihan raya umum lalu, kini berpecah dan bertembung sesama sendiri di beberapa kawasan setelah gagal mencapai kata sepakat.

DAP menyaksikan dua pemimpin kanannya, Pengerusi, Lim Kit Siang dan timbalannya, Karpal Singh kembali bertanding.

Sehingga semalam, Pas dan Keadilan masih membisu sama ada turut bertanding merebut kerusi Parlimen di Sarawak. Kerusi DUN negeri itu tidak dipertandingkan kerana pilihan raya negeri diadakan pada 2001.

Berikutan itu, Sarawak mungkin mencatat kemenangan awal apabila sekurang-kurangnya dua kerusi Parlimen dimenangi tanpa bertanding, khususnya di kawasan majoriti Melayu/Melanau.

Bagaimanapun, DAP sudah mengesahkan untuk bertanding di lima kawasan di Sarawak. Satu-satunya parti pembangkang tempatan di Sarawak ialah Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) dan sudah mengesahkan bertanding empat kerusi Parlimen dimenangnya ketika berada dalam BN pada pilihan raya lalu, semuanya kawasan majoriti Dayak.

Di Sabah, pertama kali kerusi Parlimen dan DUN ditandingi serentak menyaksikan Keadilan mencuba nasib di 13 kerusi Parlimen dan 25 DUN, Pas di empat Parlimen dan enam DUN, tetapi DAP pula belum mengumumkan calonnya.

Ramai calon bebas dijangka turut memeriahkan pilihan raya umum kali ini terutama mereka yang tidak dipilih sebagai calon atau ditaja oleh parti pembangkang untuk memecah undi BN.

Kumpulan Datuk Dr Jeffrey Kitingan untuk menentang BN dalam pilihan raya kali ini, mengesahkan akan menamakan 58 calon bebas termasuk penyanyi popular Sabah, Abu Bakar Ellah.

Sementara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mempertahankan kerusi Parlimen Kepala Batas di Pulau Pinang akan dicabar sekali lagi oleh Naib Yang Dipertua Pas Kepala Batas, Abdul Khalid Rasid.

Pada pilihan raya umum lalu, Abdullah menewaskan Khalid, 49, yang juga pendakwah bebas dengan majoriti besar 11,175 undi.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berhadapan calon Pas, Brig Jen (B) Datuk Zakaria Dahalan di Pekan, Pahang.

Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting bertanding kerusi baru Parlimen Tanjung Piai, Johor dan dicabar calon DAP, Tan Hang Meng.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu yang mempertahankan kerusi Parlimen Sungai Siput, berhadapan doktor perubatan, Michael Jeyakumar Devaraj daripada Parti Rakyat Malaysia (PRM) yang bertanding atas tiket Keadilan.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik mempertahankan kerusi Parlimen Beruas dan dicabar Nga Hock Cheh (DAP).

Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP), Datuk M Kayveas akhirnya akan bertanding di kawasan Parlimen Taiping, kawasan tunggal Parlimen yang diperuntukkan kepada parti itu oleh BN pada pilihan raya ini. Beliau dicabar Timbalan Pengerusi Keadilan Perak, Anna Dorai dan Ong Chee Keng

(DAP).

Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, pula dicabar oleh Pemangku Ketua Pemuda Umno Terengganu, Datuk Tengku Zainuddin Tengku Zahid di DUN Ru Rendang, manakala bagi kerusi Parlimen Marang, beliau ditentang bekas Ahli Parlimen Marang, Datuk Abdul Rahman Bakar yang pernah menewaskan Abdul Hadi.

Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang akan mempertahankan kerusi Parlimen Permatang Pauh, dicabar muka baru iaitu Imam Masjid Negara, Datuk Pirdaus Ismail.

Kit Siang yang akan bertanding di kerusi Parlimen Ipoh Timur, berdepan calon Keadilan, Lee Boon Chye. Calon BN ialah Thong Fah Chong. Setiausaha Agung DAP, Kerk Kim Hock mempertahankan kerusi Parlimen Kota Melaka.

Beberapa kerusi lain turut menarik, antaranya membabitkan muka baru, Datuk Dr Mashitah Ibrahim yang akan berhadapan calon Pas, Taib Azamuddin Mohamed Taib yang mempertahankan kerusi Baling.

Kerusi Parlimen Kubang Pasu yang sekian lama diwakili Tun Dr Mahathir Mohamad menyaksikan pertembungan dua muka baru iaitu Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Johari Baharom (BN) dan pensyarah Universiti Utara Malaysia, Dr Abdul Isa Ismail (Pas).

Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim yang mempertahankan kerusi DUN Tambun Tulang sejak dimenangnya pada 1995, akan dicabar oleh orang kuat Pas, Datuk Haron Din.

Pas pula tidak memberi peluang kepada Datuk Ibrahim Ali yang dijangka bertanding atas tiket calon bebas apabila parti itu mengumumkan penyandang kerusi Pasir Mas, Ismail Noh bertanding. Calon BN ialah Ketua Penaja Umno bahagian itu, Datuk Abdul Rahim Abdul Rahman.

Turut menarik perhatian ialah kerusi baru Putrajaya dengan BN meletakkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor dan akan dicabar oleh Timbalan Presiden Keadilan, Abdul Rahman Othman.